

# PM tegur golongan bantah projek hidro

BH 22 AUG 1983

LUBOK HANTU (Sarawak), Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegur golongan rakyat yang menentang pelaksanaan projek hidro Batang Ai dan cadangan membina projek hidro Bakun yang berharga berjuta-juta ringgit.

Beliau menyifatkan golongan itu sebagai tidak bertanggungjawab dan ingin menyekat pembangunan negara.

Katanya, sebilangan besar rakyat inginkan projek pembangunan dan bukan sebaliknya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan stesen janakuasa hidro elektrik Batang Ai, 6½ kilometer dari sini, hari ini.

Beliau juga menegaskan, setiap projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk kepentingan semua rakyat dan tidak akan merugikan siapa pun.

Katanya, pembinaaan projek hidro Batang Ai adalah satu daripada rancangan kerajaan untuk mengeluarkan sumber tenaga elektrik untuk kegunaan rakyat

yang juga memberi faedah kepada penduduk di tempat-tempat lain yang berdekatan.

Menurut Dr Mahathir, dengan wujudnya projek hidro Batang Ai rakyat Sarawak akan mendapat bekalan elektrik lebih murah dan seterusnya menggalakkan perkembangan sektor perindustrian.

Beliau juga menyatakan bahawa sumber kekayaan asli negara mestilah untuk faedah negara keseluruhannya dan bukan hanya kawasan sekitarnya sahaja.

"Misalnya, sebahagian besar daripada keun-

tungan yang diperolehi daripada kekayaan minyak dan gas Sarawak dan Sabah adalah untuk pembangunan negara keseluruhannya," tegas beliau.

Dengan adanya projek-projek seperti Batang Ai, rakyat sekitarnya akan juga mendapat faedah di segi peluang pekerjaan bagi meningkatkan taraf hidup mereka, katanya.

Sebelum itu, pengerusi Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak (Sesco), Datuk Haji Bujang Nor, berkata projek hidro Batang Ai yang berharga \$560 juta boleh mengeluarkan 108 megawatt, menjadi keupayaan Sesco meningkat kepada 300 megawatt.